

Lew Sip Hon letak jawatan Timbalan Menteri

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Lew Sip Hon telah mengemukakan perletakan jawatan sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Datuk Lew, 55 tahun, menyerahkan surat perletakan jawatannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perletakan jawatannya akan berkuatkuasa pada tarikh susunan semula kabinet yang akan datang.

Katanya, beliau akan terus berkhidmat sebagai anggota Parlimen kawasan Syah Alam dan Naib Presiden MCA.

Bercakap kepada pemberita di ibu pejabat MCA di sini, Datuk Lew berkata, walaupun di luar kerajaan, beliau akan terus menawarkan khidmatnya kepada kerajaan.

"Saya hanya meninggalkan jawatan sebagai Timbalan Menteri, bukan politik," katanya.

Beliau menolak spekulasi akhbar bahawa beliau telah diminta atau didesak supaya meletakkan jawatan.

"Saya tidak didesak oleh sesiapa," katanya.

"Saya meletakkan jawatan atas kerelaan diri sendiri dan ia tidak kena mengena dengan sebarang tekanan dari MCA," tambahnya. Bernama.